

RM20 juta tunggakan cukai taksiran

UTUSAN

14/2/17

KUANTAN 13 Feb. - Sebanyak 37,821 pemilik premis di daerah ini gagal melunaskan tunggakan cukai taksiran melibatkan nilai kira-kira RM20 juta sejak lebih lima tahun lepas.

Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Kuantan (MPK), Datuk Fadzilla Salleh berkata, antara penyumbang terbesar jumlah tunggakan itu adalah pemilik bangunan kediaman diikuti komersial dan industri.

"Tunggakan bayaran ini menjejaskan kerja-kerja penyelenggaraan infrastruktur, kemudahan awam dan projek pembangunan.

"Pelbagai alternatif bayaran

boleh dijelaskan antaranya MPK membenarkan pembayaran secara ansuran mengikut jadual yang ditetapkan sehingga jumlah tunggakan selesai," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Menurut Fadzilla, mulai tahun ini pihaknya melibatkan Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) dan Ahli Majlis untuk menjalankan kutipan tunggakan di samping melakukan pendekatan bersemuka dengan pemegang harta dari pintu ke pintu khusus di kawasan tunggakan tertinggi.

Sementara itu, Fadzilla memberitahu terdapat sebanyak 3,200 daripada 16,000 peniaga

tidak memperbaharui lesen perniagaan bagi 2017 yang berakhir pada 1 Februari lalu.

"Dalam masa sama, MPK mengenal pasti terdapat antara 1,000 hingga 2,000 orang yang menjalankan perniagaan dan tidak mendaftarkan lesen perniagaan.

"Tindakan pemutihan akan dilaksanakan bagi memastikan tiada peniaga yang tidak berlesen," jelasnya.

Fadzilla berharap pemilik premis menjelaskan bayaran cukai taksiran dan pemilik perniagaan memperbaharui lesen agar tidak dikenakan tindakan undang-undang.